

Beri kelonggaran belia buka perniagaan

UM- 17/3/2007

GOLONGAN belia hari ini perlu diberi kelonggaran untuk mendapatkan kemudahan memulakan perniagaan kerana mereka tidak mempunyai kriteria dan sumber seperti yang dimiliki ahli perniagaan berpengalaman.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said berkata, banyak pihak tidak memahami keperluan dan masalah golongan muda untuk menceburi bidang perniagaan sedangkan pelbagai gesaan ditujukan kepada golongan belia supaya berniaga.

Katanya golongan muda tidak mampu memenuhi syarat tuntutan seperti mempunyai modal, tahun pengalaman berniaga, akaun bank dan penjamin.

“Saya diberitahu yang hendak berniaga di pasar malam ditanya macam-macam. Orang muda nak berniaga, modal RM10, mana ada akaun bank, slip gaji pun mana nak cari dan siapa yang hendak jadi penjamin,” katanya selepas menghadiri Majlis Perundingan Belia Negara di Shah Alam, baru-baru ini.

Tambah beliau, persepsi bahawa golongan belia di Malaysia bermasalah ekoran beberapa kes terpencil harus dikikis kerana rumusan Institut Penyelidikan Belia mendapati golongan muda di negara ini adalah dari kalangan yang baik.

Beliau berkata, banyak kejayaan yang diraih orang muda negara ini tidak dikaitkan dengan belia tetapi

perkara yang bermasalah seperti nakal dan Mat Rempit sahaja yang kerap dikaitkan dengan belia.

Contohnya, pemain squasy negara Nicole David akan diingati sebagai ahli sukan yang berjaya tetapi bukan sebagai belia yang berjaya.

Mengenai persidangan Majlis Perundingan Belia Negara yang diadakan, beliau berkata ia mencapai kata sepakat menyokong enam pendekatan kerajaan dalam pembangunan belia termasuklah membangunkan rangkaian sistem gerakan pembangunan belia, meningkatkan sokongan serta komitmen kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dalam pembangunan belia dan sukan serta memperluaskan peranan pembangunan belia kepada sektor-sektor baru.